

▼11/03/21-50MST

U GB 11-03 00159 BH011

bah

SIJMBANGAN INSTITUSI SWASTA KEPADA SISTEM PENDIDIXAN

'Mahathir - Swasta

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penubuhan institusi pendidikan swasta di negara ini dengan sendirinya mewujudkan elemen penswastaan dalam sistem pendidikan negara tanpa penglibatan kerajaan.

Perdana Menteri berkata sumbangan seumpama itu bukan sahaja dapat mengurangkan pengaliran tukaranasing negara tetapi juga membolehkan lebih ramai rakyat mendapat pendidikan daripada pelaburan yang lebih rendah.

+Keuntungan ini lebih ketara lagi sekiranya lebih banyak institusi pendidikan tinggi menawarkan kursus-kursus yang kebanyakannya kini hanya terdapat di luar negara,+ katanya semasa merasmikan Institut Teknologi Tun Abdul Razak di sini.

Beliau berkata penswastaan yang diperkenalkan oleh sektor swasta dalam sistem pendidikan berbeza dengan proses di jabatan-jabatan kerajaan seperti Telekom, Pos dan Tenaga Nasional Berhad, yang dijalankan hasil usaha kerajaan.

+Pihak swasta lebih berjaya mengawal perbelanjaan mengendalikan institusi pelajaran berbanding dengan kerajaan,+ kata Dr Mahathir: -- Lagi

▼11/03/21-29MST

U GB 11-03 00183 BH012

bah

Mahathir - Swasta 2 Kuala Lumpur

Di samping itu, katanya, penubuhan lebih banyak pusat pengajian swasta, termasuk oleh institusi pendidikan dari luar negeri, juga membolehkan kerajaan mengagihkan peruntukan kewangan untuk keperluan lain kerana mereka boleh membantu menyediakan kemudahan-kemudahan yang tidak dapat disediakan oleh kerajaan.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, kerajaan mahu program kerjasama dengan pusat-pusat pengajian tinggi ternama seberang laut, dipertingkatkan bagi memastikan mutu pendidikan tidak terjejas akibat perkembangan institusi yang terlalupesat.

+Penyediaan peluang-peluang pendidikan di dalam negeri juga akan membolehkan pelajar menuntut di negara sendiri sehingga mereka lebih dewasa dan mampu mempertahankan budaya mereka apabila melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi,+ katanya.

Perdana Menteri berkata melalui sistem penswastaan juga negara mampu mengeluarkan lebih banyak tenaga mahir memandangkan sektor itu lebih fleksibel untuk memainkan peranan berkesan dalam merangka sesuatu pendekatan mengikut keperluan tenaga manusia berbanding dengan sektor awam.

Selain daripada itu, kata Dr Mahathir langkah yang diambil oleh sektor swasta juga amat dihargai memandangkan Malaysia seperti juga mana-mana kerajaanpun tidak akan mampu menyediakan keperluan pendidikan dalam semua bidang. -- Lagi

▼11/03/21-45MST

CNS8269

U GB 11-03 00216 BH014

bah

Mahathir - Swasta 3 (akhir)Kuala Lumpur

Beliau bangga dengan penubuhan institut milik sepenuhnya Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB); dan secara langsung memenuhi salah satu objektif KUB untuk membantu meningkatkan pendidikan di kalangan anak-anak anggota.

Dr Mahathir jugamemuji institut itu kerana menjadi satu-satunya pusat pengajian yang mengendalikan program kerjasama dengan sebuah kolej asing -- West Glamorgan. Institute of Higher Education di United Kingdom -- sepenuhnya dalam bahasa Malaysia dalam pelbagai kursus.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak pula berkata keluarga beliau bersetuju membenarkan nama Allahyarham Tun Abdul Razak digunakan oleh institut tersebut memandangkan antara lain, bidang pendidikan merupakan perjuangan beliau semasa hayatnya.

Sebagai menyokong usaha KUB itu, kementeriannya bersedia memberi peluang kepada institut tersebut melatih anggota tentera yang bakal bersara bagi membolehkan mereka meningkatkan kemahirap, dan profesionalisme dalam kerjaya masing-masing.

Pengerusi KUB, Encik Hassan Harun, yang juga presiden institut itu, berkata lebih banyak cawangan akan dibuka diseluruh negara tidak lamalagi sebagai tambahan kepada cawangan di Kota Baharu.

Beliau berkata pada masa kini institut tersebut sedang berunding untuk mengadakan program ijazah dalam pengantar Bahasa Malaysia membabitkan bidang Pengurusan Yerniagaan dan Kejnrdteraaan Komputer dengan Swansea Institute of Higher Education dan program Eksekutif MBA dengan sebuah universiti tempatan. -- Bernama